

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



Pelanggan yang dihormati,
Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini adalah direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya berguna; anda juga patut mambacanya.

Tarikh: 01/01/2026

1. Apakah Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing?

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing adalah skim insurans kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun. Ia membantu majikan menanggung kos hospital dan pembedahan untuk pekerja asing mereka sekiranya dimasukkan ke hospital KKM disebabkan oleh kemalangan ataupun penyakit.

2. Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai ilustrasi, untuk premium RM 120.00 (sebelum Cukai Perkhidmatan dan Duti Setem) setiap tahun, anda akan menerima perlindungan insurans berikut untuk seorang pekerja asing:

Perlindungan:	Had Tahunan Keseluruhan: RM20,000 Bagi Setiap Orang Yang Diinsuranskan	
Manfaat yang <u>dilindungi</u> di bawah produk ini termasuk:		
Perkara	Manfaat	Jumlah (RM)
1	(a) Bilik Hospital & Makan Harian (maksimum sehingga 30 hari) (b) Unit Rawatan Rapi (maksimum sehingga 15 hari)	Bayaran yang dikenakan mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik & Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) 1982.
2	Bekalan & Khidmat Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Bayaran Pembedahan (tidak merangkumi transplan organ)	
5	Bayaran Pakar Bius	
6	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (maksimum sehingga 30 hari)	
7	Rawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (maksimum sehingga 30 hari)	
8	Bayaran Ambulans/ Bayaran Laporan Perubatan	

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing anda **tidak melindungi**:

- Pembedahan plastik/kosmetik
- Rawatan pergigian atau pembedahan oral
- Rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan congenital termasuk penyakit keturunan
- Kehamilan atau keguguran
- Rawatan yang tidak memerlukan keperluan perubatan
- Bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman
- Sakit atau kecederaan yang timbul daripada apa-apa jenis perlumbaan atau sukan berbahaya
- Penyakit kardiovaskular dan semua jenis kanser yang berlaku dalam masa 120 hari pertama insurans Orang Yang Diinsuranskan

- Penyakit sedia ada kecuali sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah lulus pemeriksaan perubatan serta telah disahkan oleh FOMEMA Sdn Bhd (FOMEMA) dalam masa 30 hari ketibaan Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.

Anda hendaklah merujuk kepada pernyataan polisi untuk senarai penuh pengecualian.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Risalah Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi MSIG Insurance (Malaysia) Bhd atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1-800-88-MSIG (6744)
atau 603-2050-8228



Kunjungi kami di:
<https://www.msig.com.my/>



Email kami di:
myMSIG@my.msig-asia.com

3. Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium : RM120.00 (setiap tahun)

Tempoh: sehingga umur 60 tahun

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:

Duti Setem : RM10.00

Komisen (15%) : RM12.00 (Termasuk dalam premium)

Cukai Perkhidmatan (8%) : RM9.60

Jumlah premium yang perlu dibayar : RM139.60

4. Syarat dan Terma Lain

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan/cadangan.
- Wilayah Geografi - Semua manfaat yang dinyatakan di sini adalah terpakai di dalam Malaysia sahaja 24 jam sehari. Perlindungan terhenti sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan Malaysia dan bersambung semula sekembalinya Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.
- Kelayakan - Anda mestikan pekerja asing yang bekerja pada masa sekarang/masa hadapan secara sepenuh masa dengan pemegang polisi.
- Had umur - 18 hingga 60 tahun.
- Umur pembaharuan - Polisi ini boleh diperbaharui sehingga umur 60 tahun.
- Had Manfaat - Semua manfaat yang disediakan di dalam Polisi ini adalah hanya berbayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat.
- Tempoh Ihsan - Ini adalah Saguhati Sebelum Perlindungan Polisi. Meskipun terdapat syarat Pembayaran Sebelum Perlindungan, tempoh Ihsan selama 14 hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang premium setelah Tahun Polisi Pertama. Dalam tempoh selama 14 hari tersebut, Syarikat akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, premium telah dibayar. Sekiranya sebarang premium berkaitan dengan Polisi Kontrak ini tidak berbayar sebelum tarikh tamat tempoh ihsan, Polisi Kontrak ini dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput polisi ini.

Senarai ini **tidak lengkap**. Anda harus merujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

5. Bolehkah saya membatalkan polisi/sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi/sijil anda pada bila-bila masa dengan memaklumkan kami secara bertulis. Kami akan membayar balik premium anda berdasarkan kepada kadar jangka pendek bagi tempoh perlindungan yang belum tamat tempoh. Jika anda telah membuat tuntutan, tiada bayaran balik akan diberikan.

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd ialah syarikat insurans am yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.